

'Perlu kerangka lebih segar urus lembangan sungai'

Kuala Lumpur: Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah supaya diwujudkan kerangka baharu yang lebih segar, teratur dan berdaya maju bagi menangani kelemahan pengurusan lembangan sungai.

Baginda bertitah, ini kerana masyarakat masih belum peka walaupun sudah ada pelbagai dasar diperkenalkan dan pelbagai program sudah diusahakan berhubung perkara itu.

Titah baginda, persoalan melestarikan sungai bersifat budaya dan geopolitik yang mana tidak mungkin berjaya ditangani dengan kerangka lama yang tegar dan bersegmen.

"Pelestarian sungai bermaksud kerangka membaik pulih dan menambah baik kualiti air sungai supaya sentiasa bersih dan boleh digunakan.

"Pelestarian sungai adalah tanggungjawab semua pihak, bukan tanggungjawab yang terbatas atau khusus kepada sesebuah agensi atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Tanggungjawab melestarikan sungai perlu diserlah dalam bentuk amalan hidup mesra alam dan sikap proaktif bagi memberi sumbangan atau bersedia mem-



Sultan Nazrin berkenan melancarkan buku *Tafsir Mawdu' Sungai* sambil diperhatikan Timbalan Menteri Sumber Manusia, Mustapha Sak-Mud (dua dari kiri), Mohd Hamdi (kiri) ketika melancarkan buku berkenaan di Institut Asia-Eropah Universiti Malaya Kuala Lumpur. (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

bayar kos yang diperlukan," titah baginda ketika melancarkan buku *Tafsir Mawdu' Sungai* di Institut Asia-Eropah Universiti Malaya di sini, semalam.

Buku itu hasil karya Datuk Dr Zulkifli Mohd Yusoff dan Datuk Seri Dr Zaini Ujang diterbitkan Akademi Jawi Malaysia.

Yang turut hadir, Pro Canselor UM, Toh Puan Dr Aishah Ong; Pro Canselor UM, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Naib Canselor

UM, Prof Datuk Dr Mohd Hamdi Abd Shukor.

'Hati' masyarakat

Sultan Nazrin bertitah, masyarakat perlu insaf bahawa manusia dan alam sekitar saling berkait rapat.

Titah baginda, jika bahasa melambangkan bangsa, tahap kesihatan ekosistem sungai menggambarkan 'hati' masyarakat setempat.

"Aliran sungai yang indah amat berkait rapat dengan aliran yang indah dalam hati manusia.

"Pendekatan 'hard-ware' (sains dan teknologi), dan 'soft-ware' (dasar, undang-undang dan norma), tidak lengkap tanpa 'heart-ware' (hati, roh atau manusiawi).

"Roh manusia perlu dibisikkan dengan kesedaran, menginsafkan hati agar terasa berdosa apabila melakukan perbuatan men-

cemarkan alam," titah baginda. Pada masa sama, baginda menegaskan pendekatan lebih berfokus kepada manusia perlu ditingkatkan, dalam hasrat dan usaha mahunya meningkatkan kesedaran dan kesediaan masyarakat untuk melestarikan alam sekitar.

"Inilah usaha dirintis oleh kedua-dua pengarang *Tafsir Mawdu' i Sungai*, buku yang menjadi mauduk majlis pada pagi ini (sebelum malam).

"Buku *Tafsir Mawdu' i Sungai* dihasilkan melalui integrasi ilmu oleh dua penulis dalam dua bidang berasingan; Prof Datuk Dr Zulkifli Mohd Yusoff dalam bidang pengajian Al-Quran dan As-Sunnah, sementara Datuk Seri Dr Zaini Ujang dalam bidang pengajian alam sekitar," titah baginda.

Baginda bertitah, buku itu dihasilkan melalui gabungan disiplin ilmu wahyu dengan disiplin sains, pengurusan, juga disiplin sains dan teknologi berkaitan sungai.

"Pendekatan penulisan yang menggabungkan pakar daripada pelbagai disiplin dan bersifat tara disiplin, wajar digalakkan agar ilmu berkembang dan bertambah lebih subur," titah baginda.

TARIKH: 26/9/23

SURAT KHABAR: Berita Harian

MUKA SURAT: 8